

# Dr Jeffrey, Kurup diberi lima hari serah laporan

BH - 7 FEB 2002

KOTA KINABALU, Rabu - Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Chong Kah Kiat memberi tempoh sehingga Selasa depan kepada dua kelompok bertelagah dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) mengemukakan laporan bertulis masing-masing mengenai kontroversi mesyuarat pada 29 Januari lalu.

Pada masa sama, beliau menyarankan supaya dua pemimpin PBRs, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang masing-masing mendakwa sebagai presiden parti itu 'duduk bersama' menyelesaikan masalah dihadapi.

Katanya, laporan bertulis daripada kedua-dua pihak bertelagah itu perlu bagi membolehkannya membuat perakuan kepada pimpinan tertinggi BN Pusat.

Beliau berkata, permintaan itu sudah disampaikan kepada Kurup, Dr Jeffrey dan kumpulan lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PBRs yang menemuinya secara berasingan semalam.

"Saya memberi pandangan kepada mereka supaya, sekiranya boleh, duduk bersama menyelesaikan urusan parti. Ini adalah urusan dan masalah dalam parti semata-mata," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di Wisma Innopris, di sini hari ini.

Chong yang juga Ketua Menteri Sabah berkata, beliau sebelum ini sudah memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai krisis yang dihadapi oleh kepimpinan PBRs.

Katanya, beliau diminta oleh pimpinan tertinggi BN untuk cuba membantu menyelesaikan masalah PBRs itu dengan baik.

"Jika mereka yang bertelagah tidak dapat menyelesaikan masalah ini dan jika saya tidak membantu menyelesaikannya, mungkin kita serahkan kepada proses undang-undang...jika semua pihak terus berdegil," katanya.

Beliau berharap masalah dalaman PBRs itu dapat diselesaikan sebelum Dr Mahathir kembali ke tanah air daripada lawatan di luar negara.

Krisis kepimpinan PBRs tercetus ketika kongres ketujuh parti itu 29 Januari lalu apabila kumpulan penyokong Kurup dan Dr Jeffrey bertelagah sehingga parti itu kini mempunyai dua presiden, dua barisan Majlis Tertinggi dan dua ibu pejabat berasingan.

Chong berkata, selepas menerima laporan bertulis nanti, beliau akan bertemu dengan pihak bertelagah itu secara berasingan sekali lagi dan kemungkinan disusuli pertemuan bersama kesemua pihak terbahit.